



**KERAJAAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

**PEKELILING KEWANGAN NEGERI PERAK  
BIL. 3 TAHUN 2011**

---

Semua Pegawai Pengawal,  
Negeri Perak Darul Ridzuan.

**GARIS PANDUAN BAGI PENYEDIAAN CADANGAN BAJET  
TAHUN 2012 – 2013**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan bajet mengurus dan pembangunan bagi tahun 2012 – 2013.

**SENARIO EKONOMI SEMASA**

2. Ekonomi Negara telah beransur pulih hasil langkah proaktif yang telah diambil oleh Kerajaan. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berkembang 9.5% dalam tempoh separuh pertama 2010, berbanding negatif 5.1% bagi tempoh sama tahun 2009.

3. Bagi tahun 2011, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka sederhana sebanyak 4.2% dan perdagangan dunia dijangka meningkat sebanyak 7%. Sehubungan itu, pertumbuhan ekonomi Negara dijangka meningkat 5% hingga 6%.

## **DASAR BAJET**

4. Kerajaan Negeri akan meneruskan tema bajet “Bajet Mendahulukan Rakyat” berlandaskan Gagasan 1Malaysia dan Perak Amanjaya dalam penyediaan bajet bagi tahun 2012 dan 2013. Ia juga akan diserasikan dengan Program Transformasi Ekonomi, Modal baru Ekonomi dan kelangsungan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

## **CADANGAN PERBELANJAAN MENGURUS**

5. Bagi cadangan bajet 2012 dan 2013, Kerajaan Negeri masih melaksanakan Sistem Bajet Yang Diubahsuai (MBS) dan Bajet Dua Tahun Sekali. Konsep Batas Perbelanjaan yang berpandukan kepada prestasi tahun 2010 akan digunakan dalam proses penyediaan Bajet 2012. Cadangan anggaran perbelanjaan bagi Dasar Sedia Ada tidak boleh melebihi **Batas Perbelanjaan** yang telah ditetapkan.

6. Semua Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Batas Perbelanjaan dan pengecualian tidak akan diberikan. Semua perbelanjaan yang termasuk dalam definisi **Dasar Sedia Ada** hendaklah dirangkumkan dalam Batas Perbelanjaan. Batas Perbelanjaan ini tidak terpakai untuk maksud Tanggungan.

7. Cadangan Bajet untuk melaksanakan **Dasar Baru (DB)** dan **One-Off** hendaklah dikemukakan secara berasingan. Semua cadangan Perbelanjaan Mengurus perlu mengikut format yang sama seperti tahun 2011. Dokumen Perjanjian Program tidak perlu dikemukakan kepada Pejabat Kewangan Negeri.

8. Pengiraan Batas Perbelanjaan tahun 2012 adalah menggunakan formula seperti berikut:

$$\text{BP 2012} = \text{DSA 2011} + [\text{DB 2011} - \text{Aset}] - \text{BDB 2010} + 2\% \text{ KE 2011}$$

DB	-	Dasar Baru
DSA	-	Dasar Sedia Ada
BDB	-	Baki Dasar Baru
KE	-	Kenaikan Emolumen

9. Kenaikan emolumen sebanyak 2% yang dinyatakan di dalam formula di atas hanya melibatkan Objek Sebagai **10000**.

10. Semua Pegawai Pengawal hendaklah membuat pengiraan yang tepat bagi emolumen bagi memastikan peruntukan emolumen yang disediakan adalah mencukupi bagi tahun 2012. Bagi maksud penyediaan anggaran **imbuan** (bonus), perkiraan dibuat di bawah 15000 berdasarkan **satu bulan gaji** ataupun minimum **RM1,500.00**.

11. Bagi cadangan perbelanjaan tahun 2013, Pegawai Pengawal hendaklah menyediakan Batas Perbelanjaan berpandukan Batas Perbelanjaan 2012 dan Dasar Baru 2012.

## **PENYEDIAAN CADANGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN**

12. Cadangan perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2012 dan 2013 disediakan berdasarkan senarai projek yang telah **diluluskan** di dalam **RMKe-10** dengan memberi keutamaan kepada projek-projek sambungan. Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan jadual kerja bagi setiap projek dengan menyenaraikan semua aktiviti dan tempoh siap serta peruntukan yang diperlukan.

## **PERJAWATAN**

13. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan supaya setiap cadangan pengisian jawatan diberi keutamaan kepada jawatan yang benar-benar perlu dan boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan. Bagi jawatan yang kosong yang telah dikenal pasti tidak akan diisi pada tahun berkenaan, perkiraan emolumen tidak perlu di ambil kira.

## **PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN HASIL**

14. Semua Pegawai Pengawal diminta untuk menyediakan anggaran hasil bagi tahun 2012 dan 2013 dengan mengambil kira prestasi tahun 2010 dan potensi/keupayaan peningkatan hasil untuk tahun-tahun berkenaan.

15. Bagi hasil berkaitan tanah, anggaran hasil akan diambil kira berdasarkan cadangan yang akan dikemukakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak.

## **PENYAMPAIAN CADANGAN BAJET 2012 DAN 2013**

16. Tatacara penyediaan cadangan bajet adalah mengikut format yang sama seperti cadangan bajet tahun 2011 dengan menggunakan format Microsoft Excel.

17. Cadangan bajet tersebut dalam bentuk 'soft copy' dan 'hard copy' hendaklah disampaikan sebelum **10 April 2011** seperti berikut:


- (a) Cadangan Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Mengurus kepada Pejabat Kewangan Negeri; dan

- (b) Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri dan salinannya kepada Pejabat Kewangan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' JAMALLUDIN AL AMINI BIN HJ. AHMAD)**

Pegawai Kewangan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

3 Mac 2011

s.k.: Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Perak Darul Ridzuan.

Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi Negeri  
Perak Darul Ridzuan.